

HIKAYAT KAMARULZAMAN : SATU ANALISA STRUKTUR

OLEH

ABDULLAH BIN IBRAHIM

Kepada:

Abdullah bin Ibrahim

yang berpati

Yatari

yang meraih

sekolah

yang laju

dan selamat kehidupan.

LATIHAN ILMIAH

BAHAGIAN KESUSAstERAAN

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1981/82

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Pusat Pengajian Ilmu Komunikasi

PERSAMAAN PERNIAGAAN

Dengan ini disatakan bahawa Latihan Ustadz yang berjubil,

Haji Ahmad Kamal
sah Haji Ahmad Ibrahim

telah disampaikan selangkapnya dan dimulakan,

Kepada:

Ayahbonda

yang merestui

Bersamaan Menteri
Pusat Pengajian Ilmu Komunikasi
Universiti Sains Malaysia

Isteri *Tandatangan*

yang merelai

Anak-anak

yang bakal

mengenali kehidupan.

Pls/ste
10 September 2002

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Latihan Ilmiah dan teknik sebagai makalah satu
PERKULIN PENYELIA i Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, iaitu MIP 445.


Dengan ini disahkan bahawa Latihan Ilmiah yang berjudul: Hadis

Hikayat Darwazah amanah ber penulis
oleh Abdullah Ibrahim

telah diperiksa selengkapnya dan dinilaikan.

Rancangan Kesusastraan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Tandatangan:


Md Saadah Yagor
(Nama Penyelia)

Tarikh:

15/9/81

FB/oce
10 September 1981

Mohd. Abdullah Ibrahim

PENGHARGAAN

Latihan ilmiah ini adalah sebagai memenuhi satu keperluan Kursus Kesusteraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, iaitu HLP 448.

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Encik Mohd. Salleh Yaapar selaku penyelia yang sabar meneliti serta memberi teguran membina untuk kepentingan latihan ilmiah ini.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah kesusteraan, Universiti Sains Malaysia. Syarahan-syarahan mereka sedikit sebanyak dapat menolong penulis menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Akhirkata, semoga latihan ilmiah ini dapat memberi manfaat kepada penuntut-penuntut kesusteraan khasnya dan peminat-peminat kesusteraan di seluruh tanahair amnya.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang.

15hb. Februari 1982.

Abdullah Ibrahim

Doktor Ilmu

Doktor Ilmu yang dijalankan secara aman. Maka ia adalah beracuan dengan sifat kelebihan agama Islam itu sendiri.

Dari segi pustakanya, seperti juga dengan plot cerita dan reka yang lain, ia adalah beracuan episodik, yakni

ABSTRAK

ia mengandungi

dan pelajaran

Sudah menjadi satu fenomena pada masa kini bahawa kesusastraan tradisional telah dianggap sepi oleh masyarakat. Keadaan ini jikalau dibiarkan berterusan sudah pasti akan dapat mematikan satu warisan bangsa yang telah banyak berjasa di dalam membentuk tradisi penulisan dewasa ini. Oleh yang demikian pengkajian ke atas Hikayat Kamarulzaman ini dirasakan penting ditonjolkan semoga ia akan dapat memberi manfaat kepada generasi kini, khususnya tentang keindahan persuratan Melayu lama yang bercorak Islam.

Hikayat Kamarulzaman adalah sebuah hikayat yang bercorak roman. Bersesuaian dengan genrenya itu, maka ia mengemukakan tema cinta, iaitu cinta suci-murni yang sanggup menghadapi rintangan serta pula rela berkorban apa sahaja demi untuk mempertahankan kesuciannya. Cinta yang sedemikian dapat dilihat dalam perhubungan di antara teruna-dara dan anak-anak terhadap kedua ibubapa.

Secara tersirat hikayat ini menonjolkan juga tema dakwah Islamiah yang dijalankan secara aman. Hakikat ini adalah ber sesuaian dengan sifat kelembutan agama Islam itu sendiri.

Dari segi plotnya, seperti juga dengan plot cerita-cerita roman yang lain, ia adalah bersifat episodik, yakni

ia mengandungi bahagian-bahagian permulaan, perkembangan dan peleraian. Juga ia mengandungi beberapa unsur lagi yang dapat memperkemaskan plotnya, iaitu unsur-unsur surat-menyrat, ketegangan, taqdir, kebetulan, kuasa-kuasa ghaib, penyamaran, mimpi dan lain-lain. Dengan kehadiran unsur-unsur taqdir, kebetulan dan kuasa-kuasa ghaib yang merupakan sebahagian daripada realisme Islam itu maka plot Hikayat Kamarulzaman ini telah juga menepati konsep plot sastera Islam.

Dari segi latarnya pula hikayat ini mempunyai dua jenis latar, iaitu latar ruang dan latar masa. Latar ruangnya adalah luas, mencakupi negeri-negeri Islam dan bukan Islam. Di dalam pertembungan di antara kedua-dua jenis negeri itu, negeri-negeri Islam tertonjol sebagai pihak yang menang. Latar masanya adalah panjang, meliputi tiga keturunan dalam anggaran seratus tahun.

Berhubung dengan perwatakan, didapati watak-watak hikayat ini adalah ramai dan dikenali dengan nama-nama serta gelaran-gelaran yang tertentu. Watak-watak yang menjadi pusat penceritaan ialah watak-watak daripada golongan istana yang sekaligus menepati ciri-ciri perwatakan cerita-cerita roman. Di samping itu watak-wataknya tidak digambarkan secara idealistik dan hitam-putih seperti kebanyakan cerita-cerita tradisional Melayu yang lain. Satu lagi yang menarik dari segi

perwatakannya ialah bahawa watak-watak wanitanya juga tidak bersifat pasif. Juga watak-wataknya memperlihatkan nilai-nilai keislamannya dari segi mereka bersifat merendah diri serta tidak individualistik.

Mengenai gayanya pula, secara keseluruhannya hikayat ini dihasilkan di dalam Bahasa Melayu Klasik yang indah. Pengarang juga telah menggunakan berbagai ragam bahasa seperti "bahasa dalam", "bahasa kesat", "bahasa harian", "bahasa perbandingan", perumpamaan dan lain-lain lagi. Bahasa-bahasa itu semua adalah melambangkan peribadi watak-watak berkenaan. Dari segi gaya penceritaannya, Hikayat Kamarulzaman ini dihasilkan dalam bentuk prosa yang diselangselikan dengan pantun dan syair. Kehadiran pantun dan syair menjadikan hikayat ini lebih menarik lagi disebabkan bahawa pantun dan syair lebih menghampiri jiwa pembaca dengan penggunaan imej-imej dan simbol-simbol yang konvensional sifatnya.

Mengenai nada, hikayat ini memperlihatkan nada pengajaran ke arah pembinaan akhlak yang baik seperti yang dikehendaki oleh Islam, umpamanya tentang cintakasih anak-anak terhadap kedua ibubapa.

Segala perbincangan mengenai hikayat ini yang terdapat di dalam bab-bab yang terdahulu telah dibuat rumusan di dalam bahagian kesimpulan. Menurut rumusan itu, Hikayat Kamarulzaman ini dapat diberikan ke dalam genre

roman yang bercorak Islam berdasarkan kepada tema, plot, latar, perwatakan dan gayanya yang mempunyai persamaan dengan prinsip-prinsip cerita roman dan agama Islam.

KANDUNGAN

Halaman

Penghargaan	iv
Abstrak	v
Bab I. PENDAHULUAN	1
Bab II. TEMA	12
Bab III. PLOT DAN LATAR	25
Bab IV. PERWATAKAN	47
Bab V. GAYA	63
Bab VI. KESIMPULAN	81
Hujungan	90
Bibliografi	102